

KURSUS PEMANDUAN DEFENSIF, PROTOKOL PEMANDU DAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN

Pengenalan

Organisasi seharusnya mempunyai misi dan objektif untuk menyediakan perkhidmatan logistik yang cekap, cemerlang dan beretika. Untuk merealisasikan objektif tersebut, organisasi perlu memastikan pemandu mempunyai kompetensi sebagai seorang pemandu yang cekap, berdisiplin, berhemah, bertanggungjawab dan bermotivasi tinggi.

Latihan yang komprehensif kepada semua kakitangan adalah sangat penting termasuk juga pemandu yang merupakan front liner dan mencerminkan imej sesebuah organisasi. Gambaran keseluruhan kursus adalah termasuk statistik berkaitan kemalangan jalanraya, asas pemanduan dan kenapa perlunya kepelbagaian kemahiran di dalam pemanduan seharian dan juga kemahiran lain sebagai seorang pemandu.

Antara modul lain dalam kursus ini termasuk etika dan protokol sebagai seorang pemandu dan penggunaan sistem GPS. Pengetahuan dan kemahiran menyelenggara kenderaan amat penting untuk pengguna dan juga menjimatkan kos. Peserta akan didedahkan kepada teknik mengesan kerosakan, penyelenggaraan dan membaikpulih enjin serta penggantian komponen. Peserta akan dilatih untuk mengenali komponen enjin, kaedah menjaga dan membaikpulih enjin dengan sebaik mungkin menggunakan peralatan yang minimum.

Ini akan memberikan peserta kemahiran dan pengetahuan untuk menyelenggara kenderaan dan mengenalpasti kerosakan sebelum dirujuk ke bengkel. Selain dari itu, peserta akan didedahkan dengan kaedah pemanduan secara defensif dalam menghadapi situasi tertentu ketika pemanduan. Ini akan meningkatkan tahap keyakinan kawalan kenderaan ketika dalam keadaan kecemasan. 70 peratus dari modul kursus ini akan dikendalikan secara praktikal bagi membolehkan peserta mendapat pendedahan sepenuhnya.

Objektif Kursus

Selepas menghadiri kursus ini, peserta akan dapat:

- Menerapkan budaya dan ciri-ciri seorang pemandu yang berdisiplin, beretika dan berhemah
- Meningkatkan kemahiran komunikasi, protokol dan etika sosial seorang pemandu
- Memahami dan mengamalkan prinsip pemanduan defensif dalam kaedah pemanduan seharian
- Meningkatkan tahap keyakinan dan kemampuan kawalan ketika dalam keadaan kecemasan;
- Pengetahuan dalam penggunaan sistem sokongan pemanduan seperti GPS, Waze dan seumpamanya
- Menyelenggara dokumen dan rekod terutama buku log kenderaan dengan baik
- Menjaga serta menyelenggara enjin dengan kaedah dan teknik yang betul dan selamat
- Mengenalpasti alat ganti dan pelincir yang bersesuaian dan berkualiti

- Mengenalpasti tanda-tanda kerosakan enjin kenderaan melalui kaedah pemanduan dan pendengaran bunyi

Metodologi

Kursus ini akan disampaikan melalui syarahan, gerak kerja berkumpulan dan kajian kes serta latihan praktikal. Untuk pembelajaran yang lebih efektif, sesi praktikal akan menggunakan peralatan dan enjin sebenar.

Sasaran Peserta

Pegawai dan Penyelia Unit Kenderaan, Pegawai Unit Aset dan Logistik, Mekanik, Pegawai atau Penyelia Unit Protokol atau Perhubungan Awam, Pemandu Kenderaan Bermotor, Despatch dan Individu dari Sektor Awam dan Swasta yang berminat untuk mempertingkatkan imej dan ketrampilan diri agar dapat memberi perkhidmatan yang lebih efektif dan cemerlang serta pengetahuan dalam bidang pengelenggaraan kenderaan.

HARI PERTAMA

- Pengenalan & Ice Breaking
- Teori Pemanduan – Sikap dan cara berfikir pemandu di Malaysia
- Teori pemanduan defensif dan berkaitan kemalangan
- Teknik serta amalan pemanduan defensif
- Kursus Protokol – Etika Kereta dan Pemandu
- Kursus Asas GPS – Penggunaan alat GPS, Google Maps, Waze dan lain-lain
- Penyelenggaraan Buku Log
- Pengurusan Dan Pengisian Buku Log Kenderaan
 - Resit dan Lain-lain Dokumen
 - Pengurusan Rekod

HARI KEDUA

- Sistem Bahan api
 - Mengenal pasti nama komponen (fuel tank, fuel pump, fuel filter, pressure regulator, injector, fuel tank cap & PVC valve)
 - Mengenal pasti punca kerosakan setiap komponen
 - Fungsi dan tujuan setiap komponen
- Propeller Shaft & Transaxle
 - Fungsi dan tujuan
 - Mengenal pasti kerosakan
 - Perbezaan antara propeller shaft & transaxle
- Rear Axle
 - Fungsi dan tujuan

- Perbezaan LSD dan Axle biasa
- Mengenal pasti punca kerosakan
- Sistem Gantungan (Suspension)
 - Jenis-jenis sistem gantungan
 - Kebaikan dan keburukan sistem gantungan
 - Mengenal pasti punca kerosakan
 - Cara menguji sistem gantungan

HARI KETIGA

- Sistem Stering
 - Jenis-jenis sistem steering
 - Kelebihan dan kekurangan sistem steering
 - Mengesan kerosakan pada sistem steering
 - Steering pre-ply
- Sistem Brek: Pengenalan kepada sistem brek kenderaan (Teori)
 - Jenis-jenis sistem brek
 - Perbezaan antara disc brake dan drum brake
 - Kerosakan yang biasa pada sistem brek
 - Minyak brek
- Sistem Brek: Mengenal komponen yang terdapat didalam sistem brek kenderaan
 - Disc brake, brake drum, brake caliper, master cylinder, wheel cylinder, hand brake, switch brake and servo brake
 - Bleeding brek